A

Zarmayade bin Abdullah lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO D-05(M)-3–01 TAHUN 2021
HADHARIAH SYED ISMAIL, AHMAD ZAIDI IBRAHIM DAN KOMATHY SUPPIAH HHMR
4 JUN 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada kes prima facie dibuktikan di akhir kes pendakwaan — Sama ada pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan — Sama ada sabitan selamat — Sama ada rayuan terhadap hukuman wajar dibenarkan — Kanun Keseksaan s 302

D

E SP8 dan SP13 iaitu pegawai banci, telah menjalankan kerja banci penduduk di Kg Mengkebang, Kelantan pada 12 April 2017 ('hari kejadian'). Pada jam lebih kurang 10.15 pagi, SP8 dan SP13 berjumpa Rokiah bt Mamat ('si mati') semasa berada di kawasan rumah si mati. Mereka nampak si mati sedang berbual dengan seorang lelaki Melayu yang kemudian dicam oleh SP8 sebagai perayu. Pada jam 3.30 petang, anak si mati ('SP7') pulang dari kerja. Sebaik F masuk ke dalam rumah, SP7 menemui jasad si mati dalam keadaan terbaring di atas lantai berlumuran darah. SP7 mendapati keadaan rumah berselerak dan beberapa barangan berharga milik si mati dan anak-anak beliau hilang iaitu tablet jenama Samsung Galaxy dan telefon bimbit jenama Lenovo. Pegawai dari Unit Forensik PDRM telah mengambil dua swab bagi tujuan DNA dan G juga tujuh kesan cap jari yang dijumpai di situ. Pakar bedah siasat ('SP17') menemui lima tikaman pada paru-paru dan satu tikaman pada hati si mati yang menyebabkan kematian si mati. Tiga orang saksi awam ada terlihat kereta jenis Proton lswara berwarna gelap diletakkan lebih kurang 30m dari rumah si mati sekitar pukul 11 pagi pada hari kejadian. Pada 16 April 2017, perayu telah H ditangkap. SP2 merampas dari dalam rumah perayu satu beg silang yang mengandungi dua bentuk cincin milik si mati. DNA milik si mati juga telah ditemui pada beg silang tersebut. Hasil siasatan lanjut, pihak polis telah merampas daripada satu individu ('SP15') sebuah tab jenama Samsung Galaxy dan telefon bimbit jenama Lenovo yang merupakan barangan yang dilaporkan I hilang oleh SP7 dari rumah si mati pada hari kejadian. SP15 yang mengenali perayu menyatakan beliau membeli barangan tersebut daripada perayu dengan harga RM350. Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati kesemua inti pati bagi kesalahan s 302 Kanun Keseksaan telah berjaya dibuktikan dan satu kes prima facie telah diwujudkan. Selaras itu,

perayu dipanggil untuk membela diri. Di akhir kes pembelaan, HMT mendapati perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu didapati bersalah, disabitkan atas kesalahan membunuh dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan membenarkan rayuan terhadap hukuman:

(1) Rokiah bt Mamat sepertimana dalam kertas pertuduhan telah meninggal dunia. Dapatan SP17 yang mengesahkan kematian si mati diakibatkan cedera tikaman berganda pada paru-paru yang mengakibatkan pendarahan yang banyak yang menyebabkan kematian adalah utuh dan gagal dicabar/dipatahkan perayu (lihat perenggan 24–25).

(2) Keterangan ikut keadaan dalam kes ini, diambil bersekali dan secara menyeluruh adalah teramat kukuh yang menjuruskan kepada satu kesimpulan sahaja iaitu, kecederaan dan kematian si mati sememangnya dilakukan oleh perayu. Walaupun DNA perayu tidak dikesan di tempat kejadian, keterangan ikut keadaan membuktikan perayu berada di tempat kejadian semasa kejadian, khususnya penemuan kesan DNA si mati pada beg silang milik perayu dan cincin kepunyaan si mati di temui dalamnya. Kewujudan DNA si mati membuktikan si mati dan perayu ada bersama pada masa kejadian. Ketiadaan kesan DNA perayu di tempat kejadian tidak menjejaskan kes pendakwaan dan tidak menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Selain itu, HMT tidak terkhilaf dalam mendapati kewujudan tujuh kesan cap jari milik individu yang tidak dikenalpasti tidak sedikitpun menjejaskan keterangan pendakwaan. Keterangan menunjukkan perayu adalah orang terakhir bersama si mati sebelum dijumpai mati. Oleh itu, HMT tidak terkhilaf dalam menggunapakai prinsip 'last seen together' terhadap perayu (lihat perenggan 29, 31, 33, 37 & 40).

(3) Enam kesan tikaman berganda pada bahagian/lokasi di mana terletaknya 'vital organs' dan juga terdapatnya 'defensive wounds' pada si mati, membuktikan niat membunuh di pihak perayu. Mengambil kira fakta bahawa perayu mengenali si mati, seorang wanita yang lanjut usia dan lemah, perayu tentunya mengetahui dan sedar tikaman bertubi-tubi pada bahagian di mana terletaknya 'vital organs' akan mendatangkan kecederaan yang besar kemungkinan akan membawa maut. Maka, satu-satu inferens yang boleh dibuat bagi serangan dan kecederaan oleh perayu di sini ialah untuk menyebabkan kecederaan yang akan membunuh si mati. (lihat perenggan 44–45).

(4) HMT telah mengambil kira fakta bahawa selain tujuh kesan cap jari tersebut tidak cukup sifat untuk dianalisa, cap jari yang diambil tersebut diambil dari barangan dapur dan bukan atas pakaian, senjata atau badan

si mati. Dalam keadaan tersebut, HMT tidak terkhilaf berhubung isu ini. Perayu gagal menunjukkan bahawa HMT telah ternyata terkhilaf dalam memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan dalam mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Sabitan oleh itu adalah selamat (lihat perenggan 54–55).

(5) Hukuman mati diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara selama 40 tahun berkuatkuasa dari tarikh tangkap. Perayu juga dikenakan hukuman sebatan sebanyak 12 kali (lihat perenggan 57).

[English summary

SP8 and SP13, who were census officers, carried out the census work in Kg Mengkebang, Kelantan on 12 April 2017 ('the day of the incident'). At approximately 10.15am, SP8 and SP13 met Rokiah bt Mamat ('the deceased') while in the area of the deceased's house. They saw the deceased talking with a Malay man who was later identified by SP8 as the appellant. At 3.30pm, the deceased's son ('SP7') returned from work. Upon entering the house, SP7 found the body of the deceased lying on the floor covered in blood. SP7 discovered that the house was in disarray, and several valuable items belonging to the deceased and his children were missing, namely a Samsung Galaxy tablet and a Lenovo mobile phone. Officers from the PDRM Forensic Unit collected two DNA swabs and seven fingerprint marks found at the scene. The pathologist ('SP17') found five stab wounds to the lungs and one stab wound to the liver of the deceased, which caused her death. Three public witnesses saw a dark-colored Proton Iswara car parked approximately 30m from the deceased's house at around 11am on the day of the incident. On 16 April 2017, the appellant was arrested. SP2 seized a sling bag from the appellant's house containing two rings belonging to the deceased. The deceased's DNA was also found on the sling bag. Following further investigation, the police seized a Samsung Galaxy tablet and a Lenovo mobile phone from an individual ('SP15'), which were the items reported missing by SP7 from the deceased's house on the day of the incident. SP15, who knew the appellant, stated that he bought the items from the appellant for RM350. At the close of the prosecution's case, the High Court judge ('HCJ') found that all the elements of the offense under s 302 of the Penal Code had been successfully proven, and a prima facie case was established. Accordingly, the appellant was called to enter defence. At the close of the defence's case, the HCJ found that the appellant failed to raise any reasonable doubt against the prosecution's case. The appellant was found guilty, convicted of murder, and sentenced to death by hanging. Hence, this appeal.

Held, dismissing the appeal against conviction and allowing the appeal against sentence:

(1) Rokiah bt Mamat, as stated in the charge sheet, had passed away. SP17's findings, which confirmed that the deceased's death was caused by multiple stab wounds to the lungs leading to severe bleeding and resulting in death, remained intact and were not challenged or refuted by the appellant (see paras 24–25).

(2) The circumstantial evidence in this case, taken together and comprehensively, was exceedingly strong, leading to the conclusion that the appellant was indeed responsible for the injuries and death of the deceased. Even though the appellant's DNA was not found at the scene, the circumstantial evidence proved the appellant's presence at the scene during the incident, particularly the discovery of the deceased's DNA on the appellant's sling bag and the deceased's ring found within it. The presence of the deceased's DNA proved that the deceased and the appellant were together at the time of the incident. The absence of the appellant's DNA at the scene did not affect the prosecution's case and did not raise reasonable doubt against it. Furthermore, the HCJ was not in error in finding that the existence of seven unidentified fingerprints did not in any way undermine the prosecution's evidence. The evidence showed that the appellant was the last person seen with the deceased before she was found dead. Therefore, the HCJ was not wrong in applying the 'last seen together' principle to the appellant (see paras 29, 31, 33, 37 & 40).

(3) The six multiple stab wounds to areas where the vital organs were located and the presence of defensive wounds on the deceased demonstrated the appellant's intent to murder. Considering the fact that the appellant knew the deceased, an elderly and frail woman, the appellant certainly knew and was aware that repeatedly stabbing in areas where the vital organs were located would cause injuries that would most likely be fatal. Thus, the only inference that could be drawn for the attack and injuries by the appellant here was that they intended to cause injuries that would kill the deceased (see paras 44–45).

(4) The HCJ took into account the fact that besides the seven fingerprints which were insufficient to analyse, the fingerprints were taken from kitchen items and not from clothing, weapons, or the body of the deceased. In such circumstances, the HCJ did not err regarding this issue. The appellant failed to show that the HCJ was indeed in error in deciding that the appellant failed to raise a reasonable doubt against the prosecution's case and in finding that the prosecution successfully proved the charge against the appellant beyond reasonable doubt. Thus, the conviction was safe (see paras 54–55).

(5) The death sentence was set aside and replaced with a 40-year prison sentence effective from the date of arrest. The appellant was also sentenced to 12 strokes of whipping (see para 57).]

Kes-kes yang dirujuk

Alowonle Oluwajuwon Gilbert v PP [2023] MLJU 2628, MR (dirujuk)
Low Kian Boon v PP [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489, MP (dirujuk)
Megat Halim bin Megat Omar v PP [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohd Fazli bin Ismail dan satu lagi lwn Pendakwa Raya [2012] 2 MLJ 96; [2013] 2 CLJ 467, MR (dirujuk)
Pubalan a/l Peremal v PP [2020] 5 MLJ 442; [2020] 8 CLJ 306, MP (dirujuk)
PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161; [2008] 4 CLJ 1, MP (dibeza)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324; [1980] 1 LNS 212 (dirujuk)
R v Turnbull and others [1976] 3 All ER 549, MR (dirujuk)
Salem ak Brayon v PP [2023] 1 MLJ 441; [2022] 1 LNS 2917, MR (dirujuk)
Tan Buck Tee v PP [1961] 1 MLJ 176, CA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 299, 300, 300(a), 302

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Zarmayade bin Abdullah* [2020] MLJU 2540 (Mahkamah Tinggi, Kota Bharu)

Ahmad Nizam Mohamed (Bersamanya Muhammad Zulfaqar Dan Mohd Hanis Shariff) (Alias Ibrahim & Co) bagi pihak perayu.
Eyu Ghim Siang (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Zaidi Ibrahim HMR:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan perayu (Zamayade bin Abdullah) terhadap keseluruhan keputusan hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu ('HMT') bertarikh 22 Disember 2020 yang mendapati beliau bersalah dan disabitkan atas kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Susulan sabitan tersebut, perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

[2] Terkilan dengan keputusan HMT tersebut, perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan Malaysia. Hatta, rayuan di hadapan kami ini.

KEPUTUSAN KAMI

[3] Setelah meneliti rekod rayuan secara menyeluruh dan setelah menimbang hujahan bertulis dan hujahan lisan peguam terpelajar yang

mewakili perayu (peguam) dan hujahan balas timbalan pendakwa raya terpelajar ('TPR') bagi pihak responden, kami secara sebulat suara mendapati dan memutuskan seperti berikut:

(a) rayuan terhadap sabitan:

Kami mendapati tiada merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan. Kami mendapati tiada kekhilafan di pihak HMT. Kami mendapati sabitan oleh HMT terhadap perayu adalah selamat. Oleh itu rayuan terhadap sabitan ditolak dan sabitan dikekalkan; dan

(b) rayuan terhadap hukuman:

Kami mendapati rayuan terhadap hukuman oleh perayu adalah bermerit. Oleh itu kami membenarkan rayuan terhadap hukuman dan susulan itu kami mengenepikan hukuman mati yang dijatuhkan oleh HMT dan menggantikannya dengan hukuman penjara selama 40 tahun bermula dari tarikh tangkapan (16 April 2017) dan 12 sebatan rotan.

[4] Kami mulakan dengan memberikan alasan kami bagi rayuan perayu terhadap sabitan.

RAYUAN TERHADAP SABITAN

[5] Kami menolak rayuan terhadap sabitan atas alasan berikutnya:

Tuduhan

[6] Tuduhan yang dihadapi oleh perayu di Mahkamah Tinggi adalah:

> Bahawa kamu pada 12 April 2017 antara jam lebih kurang 11.00 pagi hingga jam lebih kurang 3.30 petang bertempat di sebuah rumah di alamat No 14, Kampung Mengkebang, Jalan Batu Lada di dalam daerah Kuala Krai di dalam Negeri Kelantan telah didapati membunuh Rokiah bt Mamat KP: 560603–03–5604. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[7] Perayu mengaku tidak bersalah dan meminta untuk dibicarakan.

KES PENDAKWAAN

[8] Pihak pendakwaan memanggil 27 orang saksi, yang terdiri daripada saksi Polis, saksi forensik, saksi pakar perubatan dan saksi awam. Secara ringkas, keterangan/fakta kes pendakwaan yang dikemukakan melalui saksi-saksi tersebut adalah sepertimana yang dinyatakan di perenggan [1] hingga [11] penghakiman HMT. Secara ringkas, fakta kes pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) SP8 (Mohd Azrul bin Abdullah) dan SP13 (Azimah bt Che Azman)

pegawai banci, telah menjalankan kerja banci penduduk di Kg Mengkebang, Jalan Batu Lada, Kuala Krai, Kelantan pada 12 April 2017 (hari kejadian). Pada jam lebih kurang 10.15 pagi, semasa berada di kawasan rumah si mati, SP8 dan SP13, berjumpa Rokiah bt Mamat ('si mati'). Di situ, mereka nampak si mati sedang berbual dengan seorang lelaki Melayu yang kemudian dicam oleh SP8 sebagai perayu. SP8 dapat mengecam perayu serta pakaian yang dipakainya pada masa tersebut (hari kejadian) melalui satu kawad cam yang dikendalikan oleh Insp Siti Nor Hawa bt Mokhtar, Pegawai Kawad Cam ('SP16');

(b) Che Hasmarizam bin Che Hassan ('SP7') adalah anak si mati. Beliau tinggal serumah dengan si mati, bersama-sama isteri beliau, Wan Nor Aidah ('SP14') dan anak-anak mereka. Pada hari kejadian, 12 April 2017, lebih kurang jam 3.30 petang, SP7 pulang dari kerja. Setiba di rumah tersebut dan sebaik beliau masuk ke dalam rumah, SP7 menemui jasad si mati dalam keadaan terbaring di atas lantai berlumuran darah. SP7 mendapati keadaan rumah berselerak dan beberapa barangan berharga milik ibu beliau (si mati) dan anak-anak beliau hilang iaitu, tablet jenama Samsung Galaxy dan telefon bimbit jenama Lenovo. Pada masa itu, isteri beliau ('SP14') dan anak-anak tiada di rumah itu;

(c) ASP Omar bin Seman ('SP26') adalah pegawai dari Unit Forensik PDRM yang menjalankan siasatan di tempat kejadian (rumah si mati). SP26 menjumpai keadaan mayat si mati dan keadaan rumah sepertimana yang dinyatakan oleh SP7 di atas. SP26 telah mengambil dua swab bagi tujuan DNA dan juga tujuh kesan cap jari yang dijumpai di situ;

(d) Dr Wan Mohd Zamri ('SP17') adalah pakar bedah siasat ('pathologist'). Beliau telah membedah siasat jasad si mati dan menemui enam kesan tikaman dalam dan berganda iaitu, lima tikaman pada paru-paru dan satu tikaman pada hati (*liver*) si mati. SP17 mengesahkan kecederaan pada paru-paru si mati telah mengakibatkan berlakunya penguncupan kedua-dua paru-paru si mati dengan kehilangan darah yang banyak. Kehilangan darah yang banyak tersebut mengakibat si mati mengalami 'hypovolemic shock', yang menyebabkan kematian beliau;

(e) SP9, SP10 dan SP11 adalah saksi awam. Menurut mereka pada hari kejadian sekitar pukul 11 pagi, mereka ada terlihat kereta jenis Proton lswara berwarna gelap diletakkan lebih kurang 30 meter dari rumah si mati. Kereta tersebut kemudiannya dikenal pasti milik perayu bernombor WHP 943 ('eksh P7(A)-(D)');

(f) Insp Aziz bin Isa ('SP2') adalah pegawai polis yang menangkap perayu. Pada 16 April 2017 iaitu, empat hari selepas tarikh kejadian, perayu telah ditangkap di rumah beliau. Semasa perayu ditangkap, SP2 merampas dari dalam rumah perayu satu beg silang (eksh P21(9)(A)).

Dalam beg silang tersebut SP2 menemui dua bentuk cincin (eksh P18(1)(A) dan P18(2)(A)). SP7 dan SP14 kemudiannya mengecam dua bentuk cincin tersebut sebagai milik si mati;

(g) hasil siasatan lanjut, pihak polis telah merampas daripada individu bernama Samso Mama ('SP15') sebuah tablet jenama Samsung Galaxy (eksh P18(5)(A)) dan telefon bimbit jenama Lenovo (eksh P18(3)(A)). Barangan tersebut adalah barangan yang dilaporkan hilang oleh SP7 dari rumah si mati pada hari kejadian. Menurut SP15 beliau membeli barangan tersebut daripada perayu, dengan harga RM350;

(h) menurut SP15 beliau mengenali perayu dan beliau mengecam beg silang (eksh P21(9)(A)) sebagai beg yang kerap dipakai oleh perayu; dan

(i) Abdul Hail bin Ahmad Tarmizi ('SP8') adalah pegawai sains yang memeriksa beg silang tersebut dan hasilnya, beliau telah mengesan kesan DNA milik si mati pada beg tersebut. SP8 menyediakan laporan kimia (eksh P37) berhubung pemeriksaan yang dilakukan beliau tersebut.

[9] Insp Rozlan bin Hussin ('SP27') adalah pegawai penyiasat bagi kes ini. Menurut SP27 semasa proses siasatan, perayu memberitahu beliau tentang senjata (pisau) yang digunakan semasa kejadian yang telah beliau buang ke dalam Sungai Kelantan dan telah membawa SP27 ke lokasi berkenaan. Namun, senjata tersebut gagal dijumpai/dikesan.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[10] Di akhir kes pendakwaan, HMT mendapati kesemua inti pati bagi kesalahan s 302 KK telah berjaya dibuktikan dan satu kes prima facie telah diwujudkan. Selaras itu, perayu dipanggil untuk membela diri.

[11] HMT mendapati satu kes prima facie telah diwujudkan atas penemuan fakta dan dapatan berikut:

(a) si mati adalah Rokiah bt Mamat KP: 560603–03–5604 berdasarkan pengecaman mayat oleh anak si mati, SP7. Perayu tidak mempertikaikan fakta tersebut;

(b) berdasarkan laporan bedah siasat dan keterangan pakar pathologi ('SP17') si mati disahkan telah meninggal dunia akibat kecederaan luka tikaman berganda pada paru-paru beliau. HMT menerima keterangan SP17 (perenggan [17]–[22] penghakiman HMT dirujuk); dan

(c) kecederaan si mati adalah diakibatkan oleh perayu berdasarkan keterangan ikut keadaan yang dikemukakan melalui SP8, SP13, SP16

(yang melihat perayu sebagai orang yang berada bersama si mati sebelum beliau di jumpai mati), SP9, SP10, SP11 (yang melihat kereta perayu berdekatan rumah si mati), SP15 (yang pengecaman beg silang sebagai milik perayu dan barangan si mati dan cucu beliau yang dijual oleh perayu), SP22 (yang merampas beg silang mengandungi cincin si mati) dan SP18 (yang mengesan DNA si mati pada beg silang). HMT menerima keterangan saksi-saksi tersebut sebagai benar dan kredible (perenggan [23]–[61] penghakiman HMT dirujuk).

KES PEMBELAAN

[12] Perayu memberi keterangan/pembelaan secara bersumpah. Tiada saksi lain dipanggil.

[13] Keterangan pembelaan perayu adalah sepertimana yang dinyatakan oleh HMT di perenggan [64] dan [65] penghakiman beliau.

[14] Perayu mengakui ada berjumpa si mati di rumahnya pada hari kejadian. Perayu juga mengakui berjumpa SP8 dan SP13 semasa di situ tetapi perayu menafikan telah membunuh si mati. Secara ringkasnya, menurut perayu:

(a) pada tarikh kejadian, ketika beliau berada bersama si mati di rumah si mati, SP8 dan SP13 iaitu, pegawai banci datang ke rumah tersebut. Selepas itu lebih kurang jam 10 pagi beliau telah beredar dari rumah itu untuk pergi memancing di sungai lebih kurang 100 meter dari rumah si mati. Menurut perayu beliau memancing di situ lebih kurang satu jam;

(b) menurut perayu, di situ beliau telah bertemu dua orang pemuda yang menawarkan untuk menjual telefon bimbit jenama Lenovo dan Samsung Galaxy tab dengan harga RM150. Memandangkan harga yang ditawarkan adalah murah, beliau telah membeli dua barangan tersebut;

(c) selepas itu, beliau pergi memancing di tempat lain, lebih kurang 2km dari tempat pertama, sehingga lebih kurang jam 1 petang. Pada jam 1 petang, beliau telah pergi mengambil anak-anak beliau di sekolah mereka sehingga jam 2 petang; dan

(d) selepas itu, beliau telah pergi ke rumah pekerja beliau benama 'Lan' untuk menjual dua telefon bimbit yang dibelinya daripada dua pemuda tadi. Menurut perayu 'Lan' bersetuju membayar dengan cara potongan gaji ('Lan' adalah SP15, Samso Mama).

[15] Perayu menafikan keterangan pendakwaan berhubung beg silang tersebut. Perayu menafikan bahawa beg silang tersebut milik beliau dan ianya dirampas oleh polis dari dalam rumah beliau. Beliau juga mempertikaikan

kesan DNA si mati yang didakwa ada pada beg silang tersebut. Beliau juga menafikan keterangan tentang cincin milik si mati yang didakwa berada dalam beg silang tersebut.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN HMT DI AKHIR KES PEMBELAAN

[16] HMT mendapati perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan berdasarkan dapatan di perenggan [66] hingga [75] penghakiman beliau.

[17] HMT menolak keterangan/pembelaan perayu yang beliau membeli telefon Lenovo dan tab Samsung Galaxy daripada dua pemuda pada hari kejadian. HMT mendapati cerita perayu tersebut suatu yang tidak benar. HMT mendapati watak/peranan dua pemuda tersebut suatu rekaan perayu semata-mata dan cerita berkaitan mereka adalah tidak munasabah dan tidak masuk akal (perenggan [70] penghakiman HMT adalah dirujuk).

[18] Berhubung keterangan/pembelaan perayu bahawa beliau menjual kepada 'Lan' (SP15) telefon Lenovo dan tab Samsung Galaxy dan SP15 bersetuju membayar melalui potongan gaji, HMT mendapati keterangan tersebut suatu yang meragukan, merupakan rekaan dan pemikiran semula perayu. Ini adalah kerana versi/pembelaan tersebut tidak pernah disoal atau ditimbulkan semasa saksi-saksi pendakwaan yang berkenaan memberikan keterangan (perenggan [67] dan [69] penghakiman HMT adalah dirujuk). Tambahan pula menurut SP15, beliau telah membeli dua barangan tersebut dari perayu secara tunai.

[19] HMT mendapati perayu gagal menyangkal keterangan saksi pendakwaan ('SP21') berhubung rampasan beg silang (eksh P21(9)(A)) tersebut dan penemuan kesan DNA si mati pada beg tersebut. Susulan itu, HMT mendapati perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan sebaliknya pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan ke atas beliau melampaui keraguan munasabah.

ISU-ISU DIPERINGKAT MAHKAMAH RAYUAN

[20] Di hadapan kami, isu utama untuk diputuskan adalah:

(a) adakah HMT ternyata terkhilaf dalam mendapati satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan di akhir kes pendakwaan? dan

(b) adakah HMT terkhilaf dalam mendapati pembelaan perayu telah gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan?

A HUJAHAN PIHAK-PIHAK DI PERINGKAT MAHKAMAH RAYUAN

Isu pertama — Adakah satu kes prima facie telah dibuktikan di akhir kes pendakwaan?

B **[21]** Secara ringkas, peguam perayu berhujah bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan inti pati pertuduhan. Oleh itu, HMT terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam memutuskan satu kes prima facie telah dibuktikan. Peguam seterusnya berhujah tiada keterangan terus yang boleh mengaitkan perayu dengan kematian si mati. Tiada keterangan yang C menunjukkan kecederaan si mati dilakukan oleh perayu. Selanjutnya, keterangan pengecaman oleh SP8 dan SP13 adalah bercanggah dan meragukan. Prosedur kawad cam pula tidak mematuhi kehendak prinsip *R v Turnbull*.

D **[22]** Bagi isu pertama, TPR berhujah sebaliknya. TPR mendakwa setiap inti pati pertuduhan telah berjaya dibuktikan melalui keterangan terus dan juga keterangan ikut keadaan yang kukuh. Menurut TPR satu-satu rumusan yang boleh dibuat atas keterangan ikut keadaan yang dikemukakan ialah bahawa E perayulah orang yang telah menikam si mati pada tarikh kejadian, yang mengakibatkan kematian si mati. Manakala berhubung keterangan pengecaman oleh saksi pendakwaan ke atas perayu, TPR berhujah prosedur kawad cam adalah teratur dan pengecaman adalah kukuh.

F DAPATAN DAN KEPUTUSAN KAMI

Isu pertama — Adakah satu kes prima facie dibuktikan di akhir kes pendakwaan?

G **[23]** HMT bersetuju dengan hujahan TPR dan mendapati satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan di akhir kes pendakwaan. HMT mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan inti pati berikut:

(i) si mati 'Rokiah bt Mamat' KP: 560603–03–5604 telah meninggal dunia;

H (ii) si mati meninggal dunia akibat dari kecederaan yang dialaminya;

(iii) kecederaan si mati diakibatkan oleh perbuatan atau kesan daripada perbuatan perayu; dan

I (iv) perayu berniat menyebabkan kecederaan ke atas si mati dan kecederaan tersebut diketahui oleh perayu dalam keadaan biasa akan menyebabkan kematian.

Inti pati (i) — Si mati adalah Rokiah bt Mamat KP: 560603-03-5604 telah meninggal dunia

[24] HMT mendapati bahawa Rokiah bt Mamat KP: 560603–03–5604 sepertimana dalam kertas pertuduhan telah meninggal dunia tidak dipertikaikan. Kami bersetuju dengan dapatan HMT di sini.

Inti pati (ii) — Kematian si mati disebabkan dari kecederaan yang dialaminya

[25] HMT menerima keterangan pathologist ('SP17') yang mengesahkan kematian si mati diakibatkan cedera tikaman berganda pada paru-paru beliau yang mengakibatkan pendarahan yang banyak yang menyebabkan kematian. Dapatan SP17 adalah utuh dan gagal dicabar/dipatahkan oleh perayu. Kami bersetuju dengan dapatan HMT di sini.

Inti pati (iii) — kecederaan si mati adalah akibat perbuatan atau kesan daripada perbuatan perayu

[26] Peguam perayu berhujah oleh kerana tiada bukti terus (*direct evidence*) dan tiada saksi mata yang melihat kejadian dipanggil oleh pihak pendakwaan, inti pati (iii) gagal dibuktikan terhadap perayu. TPR sebaliknya berhujah bahawa walaupun tiada keterangan terus atau saksi mata yang melihat perayu menikam/mencederakan si mati pada masa kejadian, keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) adalah mencukupi dan kukuh untuk membuktikan bahawa perayu dan bukan orang lain yang mencederakan si mati pada tarikh kejadian (alasan penghakiman di perenggan [23]–[45] dirujuk). Keterangan ikut keadaan berikut diterima oleh HMT sebagai bukti:

(a) SP8 dan SP13 melihat perayu berbual dengan si mati di rumah si mati pada sebelah pagi tarikh kejadian. Malah, perayu mengakui ada berjumpa SP8 dan SP13 di rumah si mati pada pagi hari kejadian;

(b) SP8 dapat cam perayu di mahkamah. Walaupun SP13 tidak dapat cam perayu dalam kawad cam dan semasa di mahkamah, SP13 dapat cam pakaian perayu yang dipakai semasa hari kejadian dan dengan jelas cam gambar (eksh P12 (A)) baju yang dipakai perayu pada hari kejadian. Tidak dipertikaikan bahawa baju di eksh P12 adalah baju yang beliau pakai masa kejadian;

(c) perayu adalah orang terakhir dilihat ada bersama si mati pada tarikh kejadian, sebelum beliau dijumpai mati oleh SP7 pada sebelah petang hari sama berdasarkan keterangan SP8 dan SP13;

(d) kereta milik perayu dilihat berada sekitar 30 meter dari rumah si mati pada sebelah pagi hari kejadian. Saksi-saksi awam iaitu, SP9, SP10 dan SP11 melihat kereta Proton Iswara berwarna gelap diletakkan di

simpang jalan masuk ke rumah si mati pada hari kejadian sekitar jam 11 pagi. Kereta tersebut dengan nombor WHP 943 (eksh P7(A)-(D)) kemudiannya dicamkan oleh SP9, SP10 dan SP11 dan telah disahkan sebagai milik perayu;

(e) perayu menjual telefon bimbit Lenovo (eksh P18(3)(A)) dan tab Samsung Galaxy (eksh P18(5)(A)) kepada SP15. SP15 telah membeli barangan tersebut daripada perayu dengan harga RM350 pada jam lebih kurang 3–3.30 petang 12 April 2017 (hari kejadian). Barangan tersebut (P18(3)(A) dan P18(5)(A)) dicamkan oleh SP7 dan SP14 sebagai barangan milik si mati yang didapati hilang pada hari kejadian;

(f) beg silang (eksh P21(9)(A)) milik perayu yang dirampas oleh polis dari bilik/rumah perayu mengandungi dua bentuk cincin emas (eksh P18(1)(A) dan P18(2)(A)) milik si mati. SP7 dan SP14 mengecam dan mengesahkan kedua-dua cincin tersebut milik si mati yang hilang pada hari kejadian;

(g) terdapat kesan darah pada beg silang (eksh P21(9)(A)) yang disahkan oleh SP18, pegawai sains mempunyai kesan DNA si mati; dan

(h) SP15 mengecam beg silang (eksh P21(9)(A)) tersebut sebagai beg yang dilihat oleh beliau sering dibawa oleh perayu.

[27] Berdasarkan keterangan di atas, kami bersetuju dengan dapatan HMT iaitu, keterangan ikut keadaan dalam kes ini jika diambil secara bersekali dan menyeluruh akan memberikan kesimpulan bahawa perayu adalah orang yang telah menyebabkan kematian si mati pada tarikh kejadian.

[28] Kami merujuk kepada kes *Low Kian Boon v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489 di mana berkaitan keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*), Mahkamah Persekutuan memutuskan sepertimana berikut:

> [57] With regard to the question of proof mention could be made of the judicial decision in *Public Prosecutor v Wong Wai Hung & Anor* [1993] 1 SLR 927, Rubin JC stated, inter alia:
>
> > It is trite law that when the prosecution relies wholly on circumstantial evidence, the quantum of proof must be more than mere skeletons. The first and foremost principle to be borne in mind when approaching circumstantial evidence is set out in *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296; [1960] 1 LNS 40 at 297 (where Hill Ag CJ quoted with approval the trial judge's summing up to the jury and his quotation of the words of Lord Cairns in *Belhaven & Stenton Peerage* [1875-6] LR 1 App Cas 278 at 279):
> >
> > > ... in dealing with circumstantial evidence we have to consider the weight which is to be given to the united force of all the circumstances put together. You may have a ray of light so feeble that by itself it will do little

> to elucidate a dark corner. But on the other hand, you may have number of rays, each of them insufficient, but all converging and brought to bear upon the same point, and when united, producing a body of illumination which will clear away the darkness which you are endeavouring to dispel.
>
> *In other words, circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all.* As I have stated this case depends entirely upon circumstantial evidence. (Penekanan ditambah.)

[29] Berdasarkan prinsip undang-undang mantap di atas dan atas fakta dan keterangan kes ini, kami bersetuju dengan dapatan dan keputusan HMT. Pada hemat kami keterangan ikut keadaan dalam kes ini, diambil bersekali dan secara menyeluruh adalah teramat kukuh dan melimpah ruah yang menjuruskan kepada satu kesimpulan sahaja iaitu, kecederaan dan kematian si mati sememangnya dilakukan oleh perayu.

Ketiadaan kesan DNA perayu di tempat kejadian

[30] Tidak dipertikaikan bahawa tiada kesan DNA perayu dijumpai di tempat kejadian. Lantaran itu, peguam berhujah pendakwaan gagal membuktikan perayu berada di rumah si mati dan telah mencederakan si mati. HMT tidak menerima hujahan peguam tersebut.

[31] Kami mendapati hujahan perayu berkait isu ini tidak bermerit. Pada hemat kami, walaupun DNA si mati tidak dikesan di tempat kejadian, keterangan ikut keadaan lain di perenggan [26](a) hingga (h) di atas membuktikan perayu berada di tempat kejadian semasa kejadian, khususnya penemuan kesan DNA si mati pada beg silang milik perayu dan cincin kepunyaan si mati di temui dalamnya. Selain penafian, perayu gagal menjelaskan bagaimana keterangan yang begitu memudaratkan beliau tersebut boleh berada pada beg milik beliau. Pada hemat kami, kewujudan DNA si mati tersebut membuktikan si mati dan perayu ada bersama pada masa kejadian.

[32] Bagi isu ini, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes *Mohd Fazli bin Ismail dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [2012] 2 MLJ 96; [2013] 2 CLJ 467 di mana YA Ahmad Maarop HMR menyatakan:

> Pada hemat kami, *ketiadaan cap jari Fazli dan Esma tidak semestinya bererti mereka tidak berada di tempat kejadian semasa pembunuhan dilakukan. Adanya cap jari di tempat kejadian adalah bukti yang positif, tetapi ketiadaan cap jari adalah tidak mencukupi untuk menyatakan bahawa orang-orang yang berkenaan tidak ada di*

tempat kejadian. Jadi, ketiadaan cap jari bukanlah penentu bahawa orang yang berkenaan tidak ada di tempat kejadian. Hal ini dijelaskan dalam kes *Gade Lakshmi Mangraju v State of Andhra Pradesh* AIR 2001 SC 2677:

> Learned counsel alternatively contended that even if the involvement of A-2 is treated as proved that is not sufficient to inveigle the appellant into the dragnet. He said that the very fact that no fingerprint of the appellant was collected from the scene is enough to exclude his presence from the scene at the time of occurrence.
>
> Presence of fingerprint the scene of occurrence is a positive evidence but the absence of a fingerprint is not enough to foreclose the presence of the person concerned at the scene. if during perpetration of the crime the fingerprint of the culprit could possibly be remitted at the scene it is equally a possibility that such a reminant would not be remitted at all. Hence absence of finger impression is not guarantee of absence of the person concerned at the scene.

[54] Kami juga sentiasa menyedari bahawa apa yang perlu dilakukan oleh Fazli atau Esma hanyalah menimbulkan keraguan yang munasabah. Keraguan yang munasabah bukanlah 'an imaginary, trivial or merely possible doubt, but a fair doubt based upon reason and common sense. It must grow out of the evidence in the case' (lihat *Sucha Singh v State of Punjab* [2003] Cri LJ 3876, at 3883, *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115, di ms 17 per Sharma H). Dalam penghakiman kami, apa yang penting ialah sama ada terdapat keterangan lain dalam kes ini yang cukup untuk membuktikan kes terhadap Fazli dan Esma. Hal ini dijelaskan dalam *Ramanathan v State of Tamil Nadu* [1978] Cri LJ 1137 di mana mahkamah menyatakan:

> It has lastly been argued that although a number of finger prints were obtained by the Investigating Officer and others, the High Court did not take into consideration the fact that those prints did not compare with the finger prints of the appellant. It has been pointed out that the High Court erred in thinking that the finger prints of Varadarajan were not obtained by the police even though the inquest report showed that the prints had been taken. *It is true that the evidence on the record goes to show that a number of finger prints were obtained during the course of the investigation and it may well be that the identity of the appellant could not be established on that basis, but that could not be said to be enough to justify his acquittal when there was overwhelming evidence against him to establish his guilt*. (Penekanan ditambah.)

[33] Setelah menilai fakta dan keterangan berkaitan isu di atas, kami bersetuju dengan dapatan HMT sepenuhnya. Kami mendapati tiada sebab kukuh untuk kami mengusik dapatan HMT tersebut. Kewujudan suatu kesan DNA merupakan keterangan yang menyokong kehadiran seseorang di tempat berkenaan. Namun, ketiadaan suatu kesan tidak bermakna seseorang tiada di tempat tersebut. Oleh itu, kami bersetuju dengan dapatan HMT bahawa ketiadaan kesan DNA perayu di tempat kejadian tidak menjejaskan kes pendakwaan dan tidak menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Kewujudan kesan cap jari individu yang tidak diketahui di tempat kejadian

[34] Di tempat kejadian/rumah si mati, pihak polis turut menjumpai tujuh kesan cap jari milik individu yang tidak dikenal pasti. Peguam berhujah penemuan tujuh kesan cap jari tersebut menunjukkan terdapat orang lain di situ dan perayu bukanlah satu-satu orang yang berada bersama si mati. Dengan itu, peguam berhujah pendakwaan gagal membuktikan bahawa perayu adalah orang terakhir berada bersama si mati, bagi mengaitkan perayu dengan kematian si mati. Peguam merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2008] 3 MLJ 161; [2008] 4 CLJ 1.

[35] HMT tidak menerima hujahan perayu berkait isu ini. Kami juga bersetuju dengan dapatan HMT tersebut. Kami bersependapat dengan HMT tersebut.

[36] Pada hemat kami, fakta kes *Hanif Basree* adalah tidak sama dan boleh dibezakan dengan fakta kes kita. Berbeza dari kes *Hanif Basree*, dalam kes kita, terdapat kesan DNA si mati pada beg silang perayu dan juga penemuan cincin milik si mati di dalamnya. Sehubungan itu, kami sekali lagi merujuk kepada kes *Mohd Fazli Ismail & Satu Lagi Lwn Public Prosecutor* di mana YA Ahmad Maarop HMR semasa menyentuh kes *Hanif Basree* menyatakan:

> [55] Tidak seperti *dalam kes Hanif Basree v Public Prosecutor di mana terdapat banyak keterangan forensik dan keterangan lisan saksi-saksi pihak pendakwa sendiri yang menunjukkan kehadiran lelaki misteri dan/atau lelaki berbau busuk yang 'in all likelihood' adalah orang terakhir yang berada dengan si mati* sebelum kematiannya, di dalam kes di hadapan kami keterangan SP9 membuktikan bahawa Fazli dan Esma adalah orang yang terakhir dilihat oleh SP9 semasa SP9 meninggalkan tersebut dan kami telah pun menyatakan bahawa keterangan SP9 yang disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwa yang lain (tanpa keterangan SP10 dan SP16 tentang pengakuan yang dikatakan telah dibuat oleh Esma dan Fazli) adalah mencukupi untuk membuktikan kes prima facie terhadap Fazli dan Esma.

[37] Berdasarkan fakta dan keadaan di atas dan berdasarkan kedudukan undang-undang mantap, kami mendapati HMT tidak ternyata terkhilaf dalam mendapati kewujudan tujuh kesan cap jari tersebut tidak sedikit pun menjejaskan keterangan pendakwaan.

Prinsip 'last seen together'

[38] Untuk isu ini, peguam mengulangi hujahan perayu bagi isu ketiadaan kesan DNA perayu di tempat kejadian dan isu kewujudan kesan tujuh cap jari individu yang tidak dikenali di tempat kejadian. Peguam berhujah prinsip 'last seen together' tersebut tidak terpakai kerana perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa beliau tiada bersama si mati

pada masa kejadian. Sebaliknya, TPR berhujah HMT tidak terkhilaf kerana perayu adalah orang terakhir dilihat bersama si mati sebelum si mati dijumpai mati. TPR merujuk kepada keterangan saksi-saksi awam (SP7, SP9, SP10, SP11 dan SP13) yang diterima dan didapati sebagai kredible oleh HMT.

[39] Kami bersetuju dengan hujahan TPR di atas dan dengan dapatan HMT. Kami merujuk kepada kes *Salem ak Brayon v Public Prosecutor* [2023] 1 MLJ 441; [2022] 1 LNS 2917 yang dirujuk oleh TPR di mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> [52] Another important point was also advanced before us by the respondent concerning the principle of the last person having been seen together with the deceased before she was discovered dead. PW17, the sole eye-witness to the incident, who was accepted by the LJ to be a credible and truthful witness testified that the appellant was with the deceased when she left the room after the incident when the commotion stopped. Another witness, PW14, testified that she saw the appellant leave the deceased's room around 10.20pm.
>
> [53] Our attention was drawn to the Indian Supreme Court decision of *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 Supreme Court 393 where the Supreme Court of India held that:
>
> > The last seen together' theory has been elucidated by this court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:
> >
> > > Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer an explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.
>
> [54] Under the circumstances of this case where, in our view, the 'last seen together' theory applies, the burden shifted to the appellant to proffer a strong and cogent explanation and rebut the presumption that his act or series of acts led to the deceased's death and the inference that he committed the acts. The absence of such an explanation would be detrimental to his defence (see *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80 *Kanhaiya Lal v State of Rajasthan* [2014] 4 SCC 715).

[40] Berdasarkan keseluruhan fakta kes ini, kami bersetuju dengan dapatan HMT bahawa keterangan menunjukkan perayu adalah orang terakhir bersama si mati sebelum beliau dijumpai mati. Oleh itu, HMT tidak terkhilaf dalam menggunapakai prinsip 'last seen together' terhadap perayu.

Inti pati (iv) — Niat

[41] Bagi inti pati (iv) iaitu, niat membunuh, peguam berhujah HMT terkhilaf dalam mendapati kematian si mati terjumlah di bawah s 300(a) KK berdasarkan jenis dan cara kecederaan dilakukan ke atas si mati. Menurut peguam HMT terkhilaf kerana gagal mengarahkan minda kepada perbezaan antara ss 299 dan 300 Kanun Keseksaan dalam pembuktian niat membunuh dan membunuh tanpa niat. Menurut peguam kewujudan kesan DNA si mati pada beg silang (eksh P21(9)(A)) milik perayu menimbulkan andaian (inferens) bahawa perayu telah menyamun si mati pada masa tersebut dan bukan untuk membunuh. Menurut peguam wujud dua inferens iaitu: (a) niat perayu untuk menyamun si mati; dan (b) niat untuk menyebabkan kematian ke atas si mati. Maka, dalam keadaan tersebut, peguam berhujah inferens yang memihak kepada perayu/tertuduh hendaklah di gunapakai oleh HMT iaitu, perayu tidak berniat melakukan pembunuhan tetapi melakukan rompakan terhadap si mati. Namun, menurut peguam HMT telah terkhilaf kerana gagal melakukannya dan atas kekhilafan tersebut, sabitan ke atas perayu adalah tidak selamat.

[42] TPR berhujah sebaliknya. Menurut TPR keperluan membezakan s 299 dan 300 KPJ hanya timbul jika tiada keterangan jelas sama ada tindakan dan kecederaan yang disebabkan ke atas si mati terjatuh di bawah mana-mana takrifan bawah s 300 KK.

[43] Kami bersetuju dengan hujahan TPR berhubung isu ini. Kami merujuk kepada Keputusan Mahkamah Persekutuan bagi kes *Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 442; [2020] 8 CLJ 306.

[44] Kami mendapati enam kesan tikaman berganda (tikaman yang serupa di tempat yang sama) pada bahagian/lokasi di mana terletaknya 'vital organs' dan juga terdapatnya 'defensive wounds' pada si mati, membuktikan niat membunuh di pihak perayu. Mengambil kira fakta dan keterangan yang berkaitan, kami mendapati tiada alasan untuk kami tidak bersetuju dengan dapatan dan keputusan HMT berhubung isu ini.

[45] Pada hemat kami, mengambil kira fakta bahawa perayu mengenali si mati, seorang wanita yang lanjut usia dan lemah, perayu tentunya mengetahui dan sedar tikaman bertubi-tubi pada bahagian di mana terletaknya 'vital organs' akan mendatangkan kecederaan yang besar kemungkinan akan membawa maut. Maka, kami bersetuju dengan dapatan HMT bahawa satu-satu inferens yang boleh dibuat bagi serangan dan kecederaan oleh perayu di sini ialah untuk menyebabkan kecederaan yang akan membunuh si mati.

[46] Dalam kes *Tan Buck Tee v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 176 yang

dirujuk TPR di mana cara serangan dan kesan kecederaan adalah mirip kepada kes kita ini, Thomson HBM menyatakan:

> *There was the body with five appalling wounds on it, wounds penetrating to the heart and liver, which must, have been caused by violent blows with a heavy sharp instrument like an axe. In the absence of anything else, whoever inflicted those blows must have intended to kill the person on whom they were inflicted*. (Penekanan ditambah.)

[47] Berlandaskan fakta dan undang-undang yang dinyatakan, kami bersetuju dengan dapatan dan keputusan HMT berhubung niat.

[48] Seterusnya, kami akan menyentuh isu kedua.

Isu kedua — Adakah pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan?

[49] Bagi isu kedua, peguam berhujah HMT terkhilaf apabila menolak pembelaan perayu sedangkan pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, berdasarkan kepada antaranya, penemuan tujuh kesan cap jari individu lain di tempat kejadian. HMT juga gagal menimbang ketiadaan kesan cap jari perayu pada badan atau pakaian si mati. HMT terkhilaf dalam memutuskan hanya perayu sahaja yang bersama si mati semasa kejadian. HMT turut gagal menghargai keterangan perayu yang menafikan pemilikan beg silang (eksh P12A) tersebut.

[50] Bagi membalas hujahan peguam, TPR berhujah HMT telah membuat dapatan yang tepat berdasarkan keterangan berikut:

(a) perayu mengakui ada bertemu si mati semasa hari kejadian seperti mana keterangan SP8 dan SP13. Namun beliau menyatakan pada jam lebih kurang 10 pagi, dia beredar untuk pergi memancing di sungai dan tidak lagi berjumpa si mati. Perayu menyatakan pergi ambil anak beliau dari sekolah pada tengah hari;

(b) perayu menyatakan yang beliau kemudiannya membeli telefon bimbit dan tab yang ditawarkan oleh dua orang pemuda kepada beliau dengan harga RM150 sebelum menjualnya kepada pekerja beliau ('SP15'); dan

(c) perayu juga menafikan beg silang yang dirampas dari rumah beliau dan mengandungi dua bentuk cincin emas, adalah milik beliau.

[51] HMT mendapati secara keseluruhan, pembelaan adalah penafian semata-mata dan fikiran terkemudian. HMT telah dengan tepat mengenal pasti versi perayu membeli telefon bimbit dari dua orang pemuda tidak diletakkan dalam kes pendakwaan.

[52] TRP terpelajar berhujah bahawa pembelaan secara keseluruhan, pembelaan adalah penafian semata-mata dan fikiran terkemudian yang mana adalah tidak memadai dalam mematahkan kes pendakwaan dan mewujudkan keraguan munasabah. Kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324; [1980] 1 LNS 212 adalah dirujuk.

[53] TPR berhujah kegagalan perayu meletakkan versi mereka semasa kes pendakwaan membuatkan pembelaan beliau terjumlah kepada pembelaan yang bersifat fikiran terkemudian atau 'afterthought defence'. Dalam kes *Megat Halim bin Megat Omar v Public Prosecutor* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154 Abdul Hamid Embong HMT berkata:

> [63] Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.
>
> [64] Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Highness then was) in *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138 puts this principle in these now famous words:
>
> > ... there is a general rule that a failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of a witness's testimony.

[54] Berkait tujuh kesan cap jari yang dibangkitkan di atas, adalah jelas HMT telah mengambil kira fakta bahawa selain cap jari tersebut tidak cukup sifat untuk dianalisa, cap jari yang diambil tersebut diambil dari barangan dapur dan bukan atas pakaian, senjata atau badan si mati. Dalam keadaan tersebut pada hemat kami HMT tidak terkhilaf berhubung isu ini.

[55] Sebagai rumusan dan penutup bagi isu sabitan, berdasarkan dapatan HMT di atas kami mendapati perayu gagal menunjukkan bahawa HMT telah ternyata terkhilaf dalam memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan dalam mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Kami mendapati sabitan di sini adalah selamat. Oleh itu kami menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN

[56] Bagi rayuan terhadap hukuman mati yang dijatuhkan ke atas perayu, kami merujuk kepada kes *Alowonle Oluwajuwon Gilbert v Public Prosecutor* [2023] MLJU 2628 di mana Mahkamah Rayuan Malaysia menyatakan sepertimana berikut:

A [27] Mitigating factors that may be relevant to the offence of murder include an intention to cause serious bodily harm rather than to kill, lack of premeditation, evidence that the murderer suffered from mental disorder or mental disability, the fact that the murderer was provoked and murders arising from sudden quarrels within a family, or between neighbours, or in the heat of passion.

B [31] ... The brutality of the manner in which the deceased was killed is a relevant consideration but not the sole criterion for deciding whether the death sentence is warranted.

[32] On these facts, and keeping in mind that the judicial discretion to impose the death penalty has been conferred, reserving its imposition for the most heinous and
C most exceptional cases, we are of the view that the circumstances of the present case, does not warrant the imposition of the death penalty. It is true that an innocent victim has lost her life, but if the legislative purpose of s 302 is ignored and the death sentence is continued to be imposed on every person convicted of murder, it would render the change in law redundant.

D

[57] Berdasarkan fakta kes secara menyeluruh dan kedudukan undang-undang semasa, kami membenarkan rayuan terhadap hukuman mati yang telah dijatuhkan ke atas perayu dan lanjutan itu, kami mengenepikan hukuman mati dan menggantikan hukuman tersebut dengan hukuman
E penjara selama tempoh 40 tahun berkuatkuasa dari tarikh tangkap. Perayu juga dikenakan hukuman sebatan sebanyak 12 kali.

Rayuan terhadap sabitan ditolak dan rayuan terhadap hukuman dibenarkan.

F Dilaporkan oleh Ahmad Ismail

G

H

I